



10 Jun 2013
10 June 2013
P.U. (A) 174

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN
PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(NO. 3) 2013

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF
TAX AND STAMP DUTY) (NO. 3) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 3) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 3) 2013**.

(2) Subperenggan 2(*a*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 April 2013.

(3) Subperenggan 2(*b*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 April 2013.

(4) Subperenggan 2(*c*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 8 Ogos 2012.

Peremitan cukai

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] hendaklah diremitkan sepenuhnya berkenaan dengan Perjanjian Kemudahan yang dibuat antara Jambatan Kedua Sdn. Bhd. ("Peminjam") dengan Pemberi Pinjam seperti yang berikut:

(*a*) Maybank Islamic Bank Berhad ("Pemberi Pinjam") berhubung dengan peruntukan kemudahan pinjaman berjangka ("Kemudahan") hingga amaun agregat lima ratus juta ringgit (RM500,000,000);

(*b*) AmIslamic Bank Berhad ("Pemberi Pinjam") berhubung dengan peruntukan kemudahan pinjaman berjangka ("Kemudahan") hingga amaun agregat lima ratus juta ringgit (RM500,000,000); dan

- (c) Hong Leong Islamic Bank Berhad (“Pemberi Pinjam”) berhubung dengan peruntukan kemudahan pinjaman berjangka (“Kemudahan”) hingga amaun agregat tiga ratus lima puluh juta ringgit (RM350,000,000),

kepada Peminjam yang kena dibayar oleh—

- (i) Peminjam, yang baginya Akta ini terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Jambatan Kedua Sdn. Bhd.) 2009 [*P.U. (A) 29/2009*];
- (ii) Kerajaan Malaysia di bawah suatu jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia menurut Kemudahan itu; dan
- (iii) mana-mana pihak lain dalam Perjanjian Kemudahan termasuklah mana-mana penerima pindahan atau pemegang serah hak.

Peremitan duti setem

3. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan Perjanjian Kemudahan hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 28 Mei 2013
[KK/BPKA/M3/(S)/168/1/2 Jld. 4; PN(PU2)232/VIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 3) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (No. 3) Order 2013**.

(2) Subparagraph 2(*a*) is deemed to have come into operation on 16 April 2013.

(3) Subparagraph 2(*b*) is deemed to have come into operation on 12 April 2013.

(4) Subparagraph 2(*c*) is deemed to have come into operation on 8 August 2012.

Remission of tax

2. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] shall be remitted in full in respect of the Facility Agreement made between Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (the “Borrower”) and the Lenders as follows:

(*a*) Maybank Islamic Bank Berhad (the “Lender”) in relation to the provision of a term loan facility (the “Facility”) of up to the aggregate amount of five hundred million ringgit (RM500,000,000);

(*b*) AmIslamic Bank Berhad (the “Lender”) in relation to the provision of a term loan facility (the “Facility”) of up to the aggregate amount of five hundred million ringgit (RM500,000,000); and

(c) Hong Leong Islamic Bank Berhad (the “Lender”) in relation to the provision of a term loan facility (the “Facility”) of up to the aggregate amount of three hundred fifty million ringgit (RM350,000,000),

to the Borrower which is payable by—

- (i) the Borrower, to which this Act applies by virtue of the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (Jambatan Kedua Sdn. Bhd.) Order 2009 [*P.U. (A) 29/2009*];
- (ii) the Government of Malaysia under a guarantee provided by the Government of Malaysia pursuant to the Facility; and
- (iii) any other party to the Facility Agreement including any transferee or assignee thereto.

Remission of stamp duty

3. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [*Act 378*] in respect of the Facility Agreement shall be remitted in full.

Made 28 May 2013
[KK/BPKA/M3/(S)/168/1/2 Jld. 4; PN(PU2)232/VIII]

DATO’ SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance